



JPAN(S) 900-5/87 (102)

19 JUN 2014

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA YANG BERADA DI GRED LANTIKAN

Dengan hormatnya, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1 Tahun 2014 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kerajaan telah memutuskan untuk menambahbaik dan memperkukuhkan lagi kaedah kenaikan pangkat pegawai kumpulan Pelaksana berdasarkan kepada prinsip *Time-Based* berasaskan kecemerlangan. Dengan laluan kerjaya ini, tempoh kenaikan pangkat secara KUP telah dipendekkan daripada 15 tahun kepada 13 tahun. Penambahbaikan ini juga mengambil kira penilaian kecemerlangan.

3. Bagi memastikan urusan kenaikan pangkat ini dapat memberi peluang yang lebih menyeluruh kepada pegawai kumpulan Pelaksana, Kerajaan telah memutuskan penambahbaikan berikut :-

3.1 Tempoh perkhidmatan yang diambil kira

Tempoh perkhidmatan yang diambil kira bagi tujuan penentuan kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan ialah :-

3.1.1 Bermula daripada tarikh pegawai dilantik secara **sementara ke jawatan yang sedia wujud (*established post*) dalam skim perkhidmatan semasa;**

JPAN(S)900-5/87 ()

Tarikh :

3.1.2 **Takrifan pelantikan secara sementara** ialah pelantikan secara sementara oleh:-

- a. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah; atau
- b. Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah; atau
- c. Kementerian/Jabatan yang diberi Perwakilan Kuasa untuk melantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

3.1.3 Pegawai yang dilantik secara **Sementara/Kontrak untuk tempoh berpanjangan dan tidak terputus** akan dikekalkan di jawatan asal yang dijumpukan atau dilantik semula ke jawatan setara mengikut kekosongan jawatan sedia ada di agensi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan; dan

3.1.4 Pelantikan secara sementara di para 3.1.2 dan 3.1.3 di atas **tidak termasuk** pelantikan sementara bulan ke bulan

Sekian dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri